# Penjawat awam dapat bantuan khas RM500, pesara RM250 sempena Aidilfitri

**PUTRAJAYA**: Kerajaan bersetuju untuk memberi bantuan khas kewangan sebanyak RM500 kepada hampir 1.6 juta penjawat awam sebagai persiapan untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri 2017.

Kementerian Kewangan yang mengumumkannya hari ini berkata bantuan khas itu juga akan turut dinikmati hampir 775,000 pesara kerajaan sebagai menghargai jasa perkhidmatan mereka dengan jumlah bayaran sebanyak RM250.
"Pembayaran bagi bantuan khas ini akan dibuat sebelum 9 Jun," kata kementerian itu dalam kenyataan hari ini.

Kementerian Kewangan berkata bantuan khas kewangan kepada penjawat awam dan pesara kerajaan membabitkan anggaran peruntukan kewangan sebanyak RM1 bilion.

"Kerajaan berharap dengan pemberian bantuan khas ini dapat meringankan beban kewangan kepada penjawat awam dan pesara bagi persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri 2017", katanya.